




Infrastruktur Dakwah *Bil Hal* Menurut Perspektif Al-Quran

(*Da'wah Bil Hal Infrastructure According to Al-Quran Perspective*)

Mohd. Hisyam Abdul Rahim¹ , Azizul Azra Abdul Razak^{2*} 
Hafizah Abdul Jalil³ 

¹Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn, 86400 Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Email: mdhisyam@uthm.edu.my

²Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn, 86400 Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Email: gl190008@student.uthm.edu.my

³Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn, 86400 Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Email: gl190002@student.uthm.edu.my

ABSTRAK

Pendakwah dan infrastruktur dakwah adalah dua elemen yang mempunyai hubungan yang jelas iaitu pendakwah perlu menggerakkan masyarakat ke arah mengejar pembangunan dengan menggunakan infrastruktur atau kemudahan yang telah disediakan. Namun, dalam konteks Malaysia, kefahaman tentang infrastruktur dakwah khususnya dakwah *bil hal* agak kurang diperjelaskan. Justeru, kajian ini berusaha menetengahkan berkenaan infrastruktur dakwah *bil hal* berpandukan kepada adaptasi kajian kemudahan infrastruktur oleh kerajaan pada masa kini. Kajian kualitatif mengaplikasikan metode analisis data dan kandungan digunakan bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian mengenalpasti aspek penting untuk memahami infrastruktur dakwah *bil hal* iaitu dari segi etika, keperluan dan sumber infrastruktur dakwah *bil hal*. Implikasi kajian ini memberikan kefahaman yang jelas berkenaan dengan infrastruktur dakwah *bil hal* yang perlu dipertingkatkan untuk dibangunkan dan menjadi alternatif terbaik dalam konteks dakwah semasa.

ABSTRACT

The preacher and the preaching infrastructure are two elements that have a clear relationship, namely the preacher needs to move the community towards the pursuit of development by using the infrastructure or facilities that have been provided. However, in the context of Malaysia, the understanding of the da'wah infrastructure, especially the da'wah of *bil hal*, is a bit less clear. Therefore, this study tries to highlight the infrastructure of da'wah *bil hal* and collect and analyze the study of existing infrastructure facilities. Qualitative study by applying data and content analysis

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Azizul Azra Abdul Razak
(gl190008@student.uthm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pendakwah
Infrastruktur
Dakwah *bil hal*

KEYWORDS:

Preacher
Infrastructure
Da'wah *bil hal*

CITATION:

Mohd. Hisyam Abdul Rahim, Azizul Azra Abdul Razak, & Hafizah Abdul Jalil. (2024). Infrastruktur Dakwah *Bil Hal* Menurut Perspektif Al-Quran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(5), e002842.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i5.2842>

methods is used to achieve the objectives of the study. The results of the study have identified several important aspects that need to be highlighted in order to understand the bill hal da'wah infrastructure, namely in terms of ethics, needs and resources of the bill hal da'wah infrastructure. The implications of this study provide a clear understanding of the da'wah infrastructure that needs to be improved to be developed and become the best alternative in the current da'wah context.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama penyelidikan ini ialah mendapati bahawa infrastruktur dakwah meningkatkan cara pemikiran, kaedah dakwah dan profesionalisme pendakwah dalam melaksanakan aktiviti dakwah. Penyelidikan ini memberi manfaat kepada sasaran dakwah dari kalangan individu, masyarakat, organisasi dan institusi dakwah di Malaysia.

1. Pengenalan

Kajian infrastruktur dakwah sering dikaitkan dengan masjid (Muhammad Saiful, 2021). Antara isu diketengahkan adalah kekurangan fasiliti dan kemudahan seperti bilik darjah, perpustakaan serta pusat akses. Isu lain adalah berkaitan pengabaian aspek penjagaan kebersihan, keceriaan dan keselamatan. Perkara ini sebenarnya berkait rapat dengan pengurusan infrastuktur dakwah. Dalam kajian lain mendapati bahawa terdapat kekangan dalam mengurus infrastruktur yang diuruskan oleh organisasi Islam sebagai contoh pengurusan harta tanah wakaf (Norliza et al., 2019).

Selain itu, wujud masalah logistik dalam infrastruktur dakwah. Ia melibatkan kekangan sumber kewangan dalam penyelenggaraan kemudahan infrastruktur dakwah. Berdasarkan kajian oleh Jamilah dan Engku Ahmad Zaki (2017), jumlah Orang Asli yang memeluk agama Islam meningkat saban tahun. Namun, pendakwah menghadapi masalah penyediaan logistik dakwah yang merupakan komponen utama bagi pergerakan ke kawasan pedalaman. Selain itu, infrastruktur mesra orang kurang upaya (OKU) di masjid juga agak kurang disediakan yang mewujudkan keluhan OKU mengenai kekurangan infrastruktur untuk golongan tersebut (Hasliza, 2015).

Berdasarkan isu-isu di atas, maka wujudnya idea penerapan strategi pengurusan infrastruktur dakwah yang dilihat relevan dalam konteks dakwah semasa. Inisiatif pengkaji yang sesuai adalah mewujudkan sebuah mekanisme pengurusan infrastruktur dakwah menurut perspektif al-Quran dengan mengaplikasikan metodologi kajian tafsir berbentuk tematik (tafsir *Maudhu'i*).

1.1. Objektif Kajian

Objektif kajian menjurus kepada memahami, menilai dan memperbaiki elemen-elemen yang menyokong kegiatan dakwah khususnya dalam aspek infrstruktur dakwah. Dengan mencapai objektif ini, kajian infrastruktur dakwah diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan keberkesanan dan kecekapan dakwah, serta memastikan bahawa mesej dakwah dapat disampaikan dengan lebih meluas dan berkesan kepada masyarakat.

2. Sorotan Literatur

Kajian ini berdasarkan kepada sorotan literatur berkaitan infrastruktur dakwah *bil hal*. Ia melibatkan pengkajian mendalam terhadap pelbagai sumber akademik, laporan dan kajian lapangan yang berkaitan dengan infrastruktur dakwah. Berikut dinyatakan secara ringkas istilah penggunaan infrastruktur dakwah oleh para pengkaji ilmu dakwah.

Infrastruktur secara epistemologinya berasal daripada perkataan *al-Wasail* atau *wasilah*. *Al-Wasilah* bermakna *al-Waslah* (pertalian dan hubungan). *Al-Wasilah* adalah medium (infrastruktur) seorang hamba menuju Allah SWT (Abdullah Ahmad, 2008).

Dalam kata lain, sarana atau infrastruktur dakwah adalah menjurus kepada segala sesuatu yang dapat digunapakai sebagai alat persiapan dalam melaksanakan dakwah yang dikaitkan dengan aktiviti *amr ma'ruf nahi munkar*. Pelaksanaan ini perlu ditempuh dengan cara jihad *fi sabilillah*. Oleh itu, hubungan antara infrastruktur, dakwah, *amr ma'ruf nahi munkar* dan jihad sangat penting berkait rapat dalam rangka kerja bermula dari merancang strategi hinggalah kepada perlaksanaannya (Abdullah Ahmad, 2008).

Dalam hal ini, pengurusan infrastruktur dakwah mempunyai peranan yang sangat penting agar dapat memudahkan pelaksanaan infrastruktur dakwah serta menyokong tercapainya tujuan *amr ma'ruf nahi munkar* sama ada secara khusus ataupun secara umum. Dalam al-Quran juga terdapat ayat-ayat yang menunjukkan bahawa pentingnya pengurusan infrastruktur atau kemudahan dalam dakwah. Makhhluk Allah SWT berupa unggas yang dijelaskan dalam al-Quran juga telah dijadikan sebagai gambaran bahawa sekecil-kecil makhhluk Allah SWT ini juga memerlukan petunjuk dalam mengurus dan mengatur kehidupannya di muka bumi ini. Merujuk kepada surah Al-Nahl ayat 68-69 menyatakan bahawa tafsiran pertama berkenaan dengan perkataan '*Wahyu*' merupakan ilham, petunjuk dan bimbingan dari Allah SWT kepada lebah agar membuat sarangnya di bukit-bukit, pokok-pokok serta di tempat-tempat bangunan yang dibina oleh manusia. Kemudian dengan adanya ilham dari Allah SWT ini, lebah membina sarangnya dengan begitu rapi dan tersusun. Lalu lebah akan kembali ke sarang masing-masing tanpa menyimpang ke arah yang lain. Lebah juga membina lilin untuk dijadikan sebagai sarang dengan menggunakan kedua-dua belah sayapnya dan dari mulutnya ia mengeluarkan madu, sedangkan lebah betina mengeluarkan telur dari duburnya, kemudian menetas dan terbang ke tempat kehidupannya (Kathir, 2014).

Jelas bahawa ayat di atas menerangkan bahawa lebah adalah merupakan makhhluk kecil Allah SWT yang telah diberikan petunjuk dalam mengurus kehidupan di muka bumi. Kejadian ini membuktikan bahawa Allah SWT telah menyediakan pelbagai kemudahan atau alat kepada seluruh makhhluk ciptaanNya. Dengan demikian, manusia dapat berfikir untuk mengenal kebenaran Allah SWT dan mereka dapat berfikir tentang kekuasaan dan keagunganNya.

Secara jelasnya bahawa literatur mengenai infrastruktur dakwah memberikan pandangan mendalam tentang bagaimana elemen-elemen ini boleh dioptimumkan untuk meningkatkan keberkesanan dakwah. Ia juga melihat betapa pentingnya pendekatan holistik yang melibatkan aspek fizikal, teknologi, sumber daya manusia dan pengurusan dalam membangun dan menyelenggara infrastruktur dakwah *bil hal* yang berkesan.

3. Metod Kajian

Ia merupakan sebuah kajian kualitatif melibatkan kajian kepustakaan. Metode pengumpulan data digunakan dengan menganalisis kandungan berbentuk kes, artikel, buku, wacana dan bahan-bahan lain. Manakala kaedah penganalisan data dengan kaedah analisis diskriptif yang bersesuaian dengan objektif kajian untuk menjelaskan definisi prasarana, keperluan dalam dakwah *bil hal* dan sumber infrastruktur itu sendiri.

4. Hasil Kajian

4.1. Definisi Infrastruktur Dakwah bil hal

Dakwah dari segi bahasa berasal dari kata *da'a*, *yad'u*, *da'wah* yang bererti mengajak, menyeru, memanggil, mengundang, mendorong atau memohon (Fathul Bahri, 2008). Achmad Mubarak (2014) pula menjelaskan istilah dakwah atau *da'watun* diertikan sebagai ajakan dan seruan yang menunjukkan berlaku komunikasi antara dua hala dan berupaya untuk mempengaruhi orang lain.

Manakala infrastruktur menurut Kamus Dewan (2016) bermaksud keseluruhan kemudahan dan perkhidmatan asas seperti infrastruktur, kemudahan, utiliti, kemudahan pengangkutan atau perhubungan, bekalan elektrik dan lain-lain yang perlu bagi pembangunan (pertumbuhan) dan kemajuan infrastuktur.

Justeru, infrastruktur dakwah dapat diertikan sebagai segala bentuk asas utama bagi menyelenggara aktiviti dakwah. Infrastruktur dakwah dikaitkan dengan istilah logistik dakwah. Bentuk-bentuk infrastruktur atau logistik dakwah adalah seperti wang. Dalam berdakwah, wang diperlukan sebagai alat untuk memenuhi keperluan dakwah memerlukan alatan dan segala sesuatu yang memudahkan proses dakwah yang disebut sebagai sarana dakwah (Marlin Dwinastiti, 2013).

Sebagai contoh, sarana dakwah Rasulullah s.a.w berbentuk surat menyurat, nikah, jihad *fisabilillah*, mimbar, khutbah dinilai sangat efektif dalam kontek dakwah secara bersemuka. Selain itu media cetak dan elektronik seperti al-Quran, majalah, internet, buku dan lain-lain. Manakala bentuk audio visual dengan dakwah berupa drama, filem dan iklan. Fungsi sarana dakwah adalah sebagai media alternatif yang bersifat lebih efektif, membantu mempercepatkan gerakan dakwah Islam (Burhanuddin, 2007).

Justeru, dapat disimpulkan bahawa infrastruktur dakwah adalah sebahagian daripada kegiatan dakwah bagi mencapai tujuan dan matlamat dakwah dapat direalisasikan. Infrastruktur dakwah ini mencakupi banyak aspek bermula dari sarana, infrastruktur, yang melibatkan keseluruhan aktiviti dakwah.

4.2. Etika Infrastruktur dakwah bil hal

Proses dakwah perlu dilaksanakan dengan sistematik iaitu dengan menggunakan infrastruktur dakwah. Walaupun sebelum ini, dalam pengkajian ilmu dakwah penekanan dalam aspek ini amatlah kurang ditekankan. Penekanan lebih menumpukan aspek metode, strategi dan sebagainya.

Infrastruktur dakwah memerlukan kepada garis panduan dan etika yang telah ditetapkan dalam Islam sebagai contoh sesuatu tujuan yang telah dirancang pada awalnya baik akan

menjadi buruk berikutan cara pengendaliannya yang salah seperti benda yang haram, tempat yang najis dan sebagainya. Inilah asas kriteria keperluan infrastruktur dalam dakwah (Moh. Ali Aziz, 2019).

Begitu juga di dalam infrastruktur dakwah pengendali atau petugasnya juga perlu memiliki kemahiran dalam hal ehwal infrastruktur malah mengetahui cara menjaga kualitinya dari sudut halal, baik dan bermanfaat. Moh. Ali Aziz (2019) menyatakan empat kriteria infrastruktur dakwah:

- i. Infrastruktur dakwah bukan sesuatu yang boleh mendatangkan kemudaratan dan membahayakan orang awam secara langsung atau tidak langsung. Ianya menimbulkan kerosakan harta benda, merosakkan akidah, merosakkan akal fikiran dan seterusnya merosakkan nyawa orang awam.
- ii. Infrastruktur dakwah juga tidak mengakibatkan kerosakan ekosistem atau alam semulajadi sama ada kerosakan di daratan, lautan mahupun di udara.
- iii. Infrastruktur dakwah juga tidak merosakkan akhlak dan moral dan melanggar norma kehidupan masyarakat. Contohnya, dakwah yang mengandungi unsur pornografi, mencela atau mencemar nama baik seseorang dan juga mengganggu gugat norma kehidupan masyarakat setempat.
- iv. Infrastruktur dakwah yang mengandungi nilai yang baik dan berguna. Keperluan ini amat diperlukan dalam dakwah agar ianya dapat dimanfaatkan semaksima mungkin dan perlu diselenggara dengan sebaiknya (diperbaiki atau diganti segera).

4.3. Keperluan infrastruktur dakwah bil hal

Keperluan dalam infrastruktur dakwah adalah berupa barangan, alat-alatan, tanah, bangunan dan sebagainya. Ianya berkaitan dengan isu pemilikan. Dalam Islam bahawa hak pemilikan adalah bersifat hak individu dan juga hak masyarakat umum. Sumber kewangan infrastruktur dakwah adalah berupa sedekah, zakat dan wakaf sama ada diperoleh dari pemberian ataupun dari pembelian (Moh. Ali Aziz, 2019).

Antara sumber lain yang boleh diperoleh dari infrastruktur dakwah adalah melalui menyewa barang atau alatan oleh pemilik bertujuan penyewa dapat menggunakan alat atau perkhidmatan yang disediakan dan pemilik pula mendapat keuntungan hasil dari sewa peralatan atau perkhidmatan tersebut. Kelebihan ini juga adalah perlu berikutan ketidakmampuan pendakwah atau pemilik untuk memiliki atau mengurus alatan atau perkhidmatan yang diperlukan. Begitu juga menyewakan alatan atau perkhidmatan ini menjadi salah satu alternatif dalam kegiatan dakwah dan status pemilikan alatan atau perkhidmatan tersebut masih dimiliki oleh pendakwah iaitu sebagai wakaf dan sedekah dari individu.

Dengan demikian keperluan infrastruktur dakwah ini bertujuan hanyalah sebagai alat bagi mencapai tujuan untuk menubuhkan organisasi dakwah agar proses ini dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan sistematik (Najamuddin, 2008).

Justeru, keperluan infrastruktur dakwah dapat memberikan manfaat untuk mendukung kegiatan dakwah. Selain itu juga keperluan dalam membentuk modal insan juga merupakan unsur penting digunakan sebagai penggerak atau pelaksana infrastruktur dakwah itu sendiri.

4.4. Sumber infrastruktur dakwah bil hal

I'anut Thoifah (2015) menyatakan sumber-sumber yang diperoleh dari infrastruktur dakwah:

- i. Infaq: infaq adalah mengeluarkan harta yang mencakupi zakat (wajib) yang terdiri dari zakat, kafarah dan lain-lain.
- ii. Sedekah: sedekah adalah memberikan sebahagian harta yang dimiliki kepada orang lain secara sukarela dan ikhlas.
- iii. Hadiah: hadiah merupakan memberi sesuatu tanpa mengharapkan pembalasan.

5. Kesimpulan

Kesimpulan kajian infrastruktur dakwah *bil hal* merangkumi penemuan utama yang menekankan pentingnya pendekatan ini dalam konteks moden. Fokus kepada kepentingan fasiliti fizikal yang menyokong tindakan positif seperti menyediakan infrastruktur masjid, pusat komuniti, dan fasiliti sosial adalah sangat penting untuk menyokong program-program dakwah *bil hal*. Fasiliti ini harus dirancang untuk memfasiliti kegiatan yang dapat memperlihatkan nilai-nilai Islam seperti bantuan sosial, pendidikan dan kegiatan masyarakat. Secara keseluruhan, kajian infrastruktur dakwah *bil hal* menekankan bahawa pendekatan melalui contoh tauladan secara efektif dalam menyampaikan mesej Islam. Keberhasilan dakwah *bil hal* bergantung pada kombinasi elemen fizikal, teknologi, sumber daya manusia, pembiayaan dan pengurusan yang baik serta penyesuaian dengan konteks budaya dan sosial setempat.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengkaji merakamkan terima kasih kepada penyelia yang sudi memberikan bimbingan dan panduan dalam menghasilkan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Pengkaji tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah Ahmad Al-Alaf Al-Ghamidi. (2008). *Kiprah Dakwah Muslimah*. Solo: Pustaka Arafah.
- Achmad Mubarak. (2014), *Psikologi Dakwah: Membangun Cara Berpikir dan Merasa*. Jakarta: Madani.
- Burhanuddin Abdul Jalal. (2007) *Cabaran Dakwah Islamiah Masa Kini*. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

- Hasliza Hassan. (2015). *Prasarana Mesra OKU di Masjid Masih Kurang*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/11/94981/prasarana-mesra-oku-di-masjid-masih-kurang> pada 6 September 2023.
- Fathul Bahri An-Nabiry. (2008) *Meniti Jalan Dakwah: Bekal Perjuangan Para Da'i*. Jakarta: AMZAH.
- I'anatut Thoifah. (2015). *Manajemen Dakwah*. Malang: Madani Press.
- Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2017). Aktiviti dakwah JAKIM terhadap masyarakat orang asli: Pelaksanaan dan cabarannya. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 1, 45-61.
- Kamus Dewan. (2016). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kathir, I., (2014) *Maksud Ringkasan Tafsir Ibnu Kathir terj H. Salim Bahreisy*. Jil 4 Pustaka Jiwa Sdn Bhd. Selangor
- Marlin Dwinastiti. (2013). Sarana dan Prasana Dakwah. Diakses dari <https://www.slideshare.net/alunalienz/sarana-dan-prasarana-dakwah> pada 20 Jun 2023.
- Moh. Ali Aziz. (2019). *Ilmu Dakwah. Edisi Revisi*. Jakarta: Prenada Media.
- Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Nik Muniyati Nik Din, Nur Hafizah Ahmad Tajuddin, Zanirah Mustafa @ Busu & Nik Murshidah Nik Din. (2021) *Prasarana masjid: Penilaian masyarakat dan pengaruhnya terhadap solat secara berjemaah di Kelantan*. Dalam Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021), 22 Februari 2021, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan.
- Najamuddin. (2008). *Metode Dakwah: Menurut Al-Quran*. PT. Yogyakarta: Pustaka Insan Madani.
- Norliza Md Nuruddin, Hairunnizam Wahid & Aisyah Abdul-Rahman. (2019). Pembangunan tanah wakaf secara penswastaan: kajian terhadap Projek Menara Imarah Wakaf oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Jurnal Syariah*, 27(1), 45-76.